

**SOALAN NO. 55****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]**TARIKH :** 15 MAC 2018**SOALAN :**

YB Dato' Mansor Bin Othman [ Nibong Tebal ] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan terhadap desakan BERSIH agar Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menghapuskan pengundian pos pada PRU14 dan menggantikan dengan pengundian awal.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa fokus dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menambah baik kaedah pengundian bagi memberi peluang kepada lebih ramai pengundi untuk keluar mengundi. SPR sentiasa mengkaji semua cadangan yang dikemukakan untuk dipertimbangkan. Namun begitu, pelaksanaan kaedah undi pos dan undi awal perlu dilihat kepada kesesuaian. Buat masa ini, kaedah pengundian pos masih relevan untuk dilaksanakan di samping pengundian awal sedia ada.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**

**TARIKH : 15.03.2018**

**SOALAN : NO. 56**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tujuan Kementerian memberi laluan kemasukan pelajar antarabangsa dari negara-negara bergolak ke IPT tempatan dan bagaimana kaedah yang hendak digunakan kerana jika tidak dikawal dengan baik, ia berupaya menyumbang kepada masalah gejala sosial.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi antarabangsa. Namun, KPT dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) saling bekerjasama dengan memastikan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar tulen (*genuine*) dan mematuhi syarat yang ditetapkan sahaja boleh belajar di institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam negara.

Sehubungan itu, KPT melalui *Education Malaysia Global Services (EMGS)* telah membangunkan satu mekanisme pemantauan dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT dengan cekap dan berkesan yang dikenali sebagai *Students Application and Registration System (STARS)*.

STARS adalah aplikasi permohonan visa atas talian yang berkemampuan mengumpul maklumat komprehensif dan terkini mengenai pemohon lantas berupaya mengesan lebih awal cubaan menggunakan identiti palsu, transkrip palsu atau diubahsuai, verifikasi keputusan akademik dan pemalsuan salinan pasport sebelum dikemukakan kepada JIM untuk kelulusan visa pelajar.

Akses STARS juga diberikan kepada beberapa unit PDRM di bawah jabatan cawangan khas iaitu bahagian E2, E3 dan E8 bagi tujuan siasatan dan pemantauan oleh pihak PDRM. Maklumat yang dibekalkan adalah terpelihara dan di bawah kendalian kerahsiaan standard yang diamalkan di jabatan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT sentiasa menjalankan aktiviti penyeliaan serta pemantauan ke atas IPTS bersama dengan agensi penguat kuasa berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), JIM dan PDRM bagi memastikan pelajar asing tidak terlibat dengan sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang. Sesi pertemuan turut diadakan bagi memastikan tahap disiplin para pelajar sentiasa terkawal sama ada semasa berada di dalam mahupun di luar kampus.

KPT juga menyediakan program-program pembangunan sahsiah pelajar antarabangsa di IPT agar sesi pembelajaran mereka sepanjang berada di Malaysia dapat dimanfaatkan sepenuhnya.